

11/11/1999

Wakil rakyat tidak terpilih diminta bantu calon BN

KUALA LUMPUR, Rabu - Wakil-wakil rakyat Barisan Nasional (BN) yang tidak terpilih bertanding pada pilihan raya kali ini diminta membantu menjayakan kemenangan calon parti itu.

Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata muka lama yang tidak dicalonkan harus ingat ketika mereka menjadi calon, ramai orang bekerja untuk kejayaan mereka.

"Kalau kali ini tidak menjadi calon, mereka juga harus sanggup bekerja untuk kejayaan calon baru. Kemungkinan calon baru itu ialah mereka yang dulu bekerja kuat untuk memberi kemenangan kepada mereka," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN malam ini.

Dr Mahathir berkata, semua parti komponen bersetuju bahawa menjadi tanggungjawab semua pihak memberi sokongan kepada BN apabila ditentukan siapa yang bertanding di sesuatu kawasan.

"Semua parti memberi pengakuan mereka akan menyokong sesiapa juga yang akan menjadi calon," katanya sambil menambah, semua parti komponen bersetuju menggunakan sepanduk dan simbol yang sama.

Mesyuarat itu antara lain membincangkan penyusunan strategi dan mencapai kata sepakat kemungkinan ada manifesto tambahan untuk Sabah dan Sarawak.

"Satu manifesto untuk semua tetapi oleh kerana ada perkara tempatan mengenai kepentingan Sabah dan Sarawak, maka mereka boleh mengadakan satu manifesto tambahan yang tidak bercanggah dengan manifesto utama," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata, BN tidak menggunakan isu tetapi akan menjelaskan mengenai pencapaian dan pembangunan yang dilaksanakan kerajaan.

"Kita tahu parti lawan akan mencari isu. Isu bermakna dia cari yang buruk untuk dijadikan perjuangan mereka.

"BN pula mahu melaksanakan perkara baik untuk semua rakyat dan bukan menubuhkan kerajaan untuk melantik seseorang kerana itu bukan pilihan raya," katanya.

Mengenai pembahagian kerusi, Dr Mahathir berkata, tiada perubahan dan beliau akan bertemu dengan semua 14 pemimpin parti komponen dan 13 pengerusi perhubungan negeri.

(END)